

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Malaysian Space Agency created to maximize efficiency and impact</u>	Digital News Asia	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Better protection for women</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
3.	<u>30 mangsa gas metana</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<u>'Oil boom' halang gas metana merebak</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Pencemaran gas metana, 1,400 pelajar diarah kosongkan sekolah</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
6.	<u>[VIDEO] Siasat dari mana sisa kimia dibuang - Exco</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Kilang kitar semula diserbu</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Pulau Pinang lanjutkan kajian bagi lapangan terbang kedua</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Gigi, gumpalan rambut Nur Aisyah ditemui</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>K9 unit finds teeth, hair of murdered Langkawi girl</u>	News Strait Times	Rujuk Lampiran 1
11.	<u>Bukti ditemui berhampiran tengkorak</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 2
12.	<u>Jumpa gigi, gumpalan rambut</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 3



13.	<u>Jumpa gigi, rambut di Gunung raya</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 4
14.	<u>Kes bunuh Aisyah Aleya, dua batang gigi, rambut ditemukan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 5
15.	<u>30 sakit dada hidu gas metana</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 6
16.	<u>Buang toksik dalam sungai</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 7
17.	<u>Dozens rushed to hospital due to toxic fumes</u>	The Star	Rujuk Lampiran 8
18.	<u>28 mangsa gas beracun dari sungai dirawat</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 9
19.	<u>28 treated for chemical poisoning</u>	News Strait Times	Rujuk Lampiran 10



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
20.	<u>Boeing komited kukuh perniagaan di Malaysia</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Guna dron dalam industri pos, kurier dalam masa lima tahun</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Burger buah nangka banyak khasiat</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Sampaikan berita tanpa penat</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Pastikan perniagaan usahawan lestari</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Pelabur asing terus yakin dengan ekonomi Malaysia</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Teknologi elemen penting dalam perkembangan ekonomi - Guan Eng</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Selangor peneraju kemahiran tinggi</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
28.	<u>430 mangsa banjir Betong ditempatkan di PPS</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Banjir Sarawak pulih, PPS ditutup</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Usaha tangani kes pembakaran terbuka</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 11
31.	<u>Serap bahan kimia elak merebak</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 12
32.	<u>Metana buat pengsan</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 13
33.	<u>Toxic gas leak</u>	The Sun	Rujuk Lampiran 14

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
34.	<u>Artificial Intelligence: Disruption or Opportunity?</u>	Business 2 Community	Klik pada tajuk berita
35.	<u>“Wasted Energy”: DOE's Illegal Inaction on Energy Efficiency</u>	NRDC	Klik pada tajuk berita
36.	<u>Canadian utility deploys AMI-enabled VVO programme</u>	Smart Energy	Klik pada tajuk berita
37.	<u>New-fangled Report on Green Technology Market Forecast (2019-2025) Leading Players GE, Siemens, Vivint Solar, Eco-Smart, Aqualogic, Trina Solar Limited</u>	OpenPR	Klik pada tajuk berita
38.	<u>The Brilliant Ways Local Communities Are Using Art to Fight Air Pollution</u>	Inverse	Klik pada tajuk berita
39.	<u>South Korea Plans to Use Artificial Rain to Wash Away Its Smog</u>	Gizmodo	Klik pada tajuk berita
40.	<u>A new paradigm for plastics</u>	Opinionr	Klik pada tajuk berita
41.	<u>Awash with plastic bottles and lacking a law, Kenya struggles to recycle</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
42.	Penyampai berita robotic China	Kosmo!	Rujuk Lampiran 15
43.	Rakam fenomena di langit	Harian Metro	Rujuk Lampiran 16
44.	Imej satelit Jepun jadi rujukan	Harian Metro	Rujuk Lampiran 17

LAMPIRAN 1
 NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 54
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

COUPLE PUT ON 7-DAY REMAND

K9 unit finds teeth, hair of murdered Langkawi girl

LANGKAWI: Police dogs found two teeth and two clumps of hair while searching for the remains of Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, in a ravine in Jalan Gunung Raya here yesterday.

The human remains were found about 11am by the German Shepherds of the K9 unit based in Bukit Kayu Hitam.

District police chief Superintendent Mohd Iqbal Ibrahim said 31 policemen and firemen had been scouring the ravine since 9am.

"The remains were handed over to an investigating officer, and will be sent, with the skull and bits of hair found yesterday (Wednesday), to the **Chemistry Department** for analysis.

"The teeth and clumps of hair were found not far from the earlier finds on Wednesday.

"The search radius was set at 500m, with the search party going down the ravine until it reached a flat area where a dried

streambed was located," he said, adding that the ravine was about 200m deep.

Iqbal said the area was known to have a lot of wildlife and it was possible that any remains might have been taken by animals far from where Nur Aisyah Aleya's body was dumped.

"It is because of this that we have to use tracker dogs.

"If we increase the search radius, it may take a long time before we find anything. But what we have so far is enough to assist in investigations," he said.

It was reported that Nur Aisyah Aleya's mother had reported the child missing while under the care of her babysitter at the Langkawi Hospital quarters.

The child was believed to have been killed on Feb 16, but her disappearance was realised by her mother, Rosmaliah Samo, only on Saturday when the 31-year-old Indonesian went to collect her



Policemen and firemen searching the ravine in Jalan Gunung Raya, Langkawi, yesterday. (Inset) Rosmaliah Samo showing a picture of her daughter, Nur Aisyah Aleya Abdullah. PIX BY ZULIATY ZULKIFFLI AND COURTESY OF POLICE

from the babysitter's home.

On Tuesday, police detained a couple at a homestay in Ampang, Selangor, in connection with the child's disappearance.

This led to the discovery of the skull and bits of hair in the ravine on Wednesday.

Iqbal said police had recorded a statement from Nur Aisyah Aleya's mother.

"We will call the staff at Langkawi Hospital to assist in investigations. We have recorded statements from eight people. There is a high possibility that more witnesses will be called up."

He added that blood samples had been collected from the mother and the couple.

"The operation was concluded at 1pm, but we will resume it if we



find there is a need to continue."

Police yesterday obtained a seven-day remand order against the couple, 37 and 40, who were brought in handcuffs to a court complex here about 9.10am.

LAMPIRAN 2 BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 20 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Ada sesuatu tak kena dalam masyarakat: TPM

Putrajaya: Tindakan penjaga yang mengabaikan atau meninggalkan kanak-kanak apabila berdepan masalah atau berasa panik adalah sesuatu yang tidak boleh sama sekali berlaku, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata insiden penemuan mayat Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, yang dipercayai dibunuh lebih dua minggu lalu, sebelum diubung dalam hutan di Jalan Gunung Raya, Langkawi, menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena

dalam masyarakat. **Jangan jadikan budaya** "Ia satu tragedi. Berdasarkan laporan yang saya baca, kanak-kanak ini mengalami sawan semasa dia dimandikan dan mungkin perjaganya panik.

"Bagaimanapun, ini tidak boleh dijadikan budaya. Ada sesuatu yang tidak kena dalam masyarakat kita di mana orang yang menjaga (kanak-kanak itu) tinggalkannya begitu saja apabila hadapi masalah atau panik," katanya. Dr Wan Azizah yang juga Men-

teri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata demikian selepas melawat Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9(2) dan melancarkan kad Orang Kurang Upaya (OKU) Sub Kategori Pembelajaran di sini, semalam.



(FOTO IHSAN PDPM)



(FOTO BERNAMA)

Anggota polis dan bomba menyertai operasi mencari saki baki cebisan mayat Nur Aisyah Aleya yang diteruskan di hutan Jalan Gunung Raya. Foto kanan, suspek lelaki dan wanita direman tujuh hari bermula semalam.

KES BUDAK HILANG DITEMUI MATI

Bukti ditemui berhampiran tengkorak

➔ Pasangan suami isteri direman tujuh hari bantu siasatan

Oleh Zuliaty Zulkiffli dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi
Dua batang gigi dan dua gumpalan rambut, antara penemuan terbaru pada hari terakhir pencarian cebisan mayat Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, di gaung Jalan Gunung Raya di sini, semalam.

Bukti baharu itu ditemui jam 11 pagi dengan bantuan anjing jenis German Sheppard dari Unit Anjing Pengesanan K9 dari Balai Polis Bukit Kayu Hitam, berhampiran tengkorak dan cebisan rambut mangsa

ditemui, kelmarin. Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendent Mohd Iqbal Ibrahim, berkata operasi pencarian membabitkan 31 anggota termasuk anggota polis dan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Langkawi, bermula jam 9 pagi.

Katanya, gigi dan gumpalan rambut dipercayai milik mangsa, diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

"Gigi dan gumpalan rambut yang ditemui itu akan dibawa bersama tengkorak untuk proses bedah siasat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), esok (hari ini)," katanya pada sidang media di lokasi penemuan rangka mayat mangsa di Gunung Raya.

Banyak binatang liar
Beliau berkata, radius pencarian cebisan mayat mangsa dilakukan pada jarak 500 meter dan anggota polis serta bomba turun ke cerun akhir hingga ke kawasan landai yang mempunyai anak sungai yang kering.

Jarak kedalaman gaung dari atas ke bawah adalah pada kira-kira 200 meter.

Katanya, di kawasan hutan ada banyak binatang liar, biawak dan mungkin cebisan mayat dibawa lari.

"Disebabkan itu kita melepaskan anjing pengesanan dan hasil daripadanya kita menemui bukti milik mangsa di kawasan pencarian.

"Jika radius pencarian dibesarkan lagi, ia akan mengambil masa yang lama namun penemuan bukti ini sudah cukup untuk membantu siasatan," katanya.

Mohd Iqbal berkata, ibu kandung mangsa hadir di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Langkawi untuk memberi keterangan dan diambil sampel darah untuk ujian DNA.

Selain itu, suspek pasangan suami isteri turut diambil sampel darah bagi ujian berkenaan.

Ambil keterangan
"Kita akan memanggil kakitangan Hospital Langkawi untuk membantu siasatan dan setakat ini, kita sudah mengambil keterangan dan



Keratan akhbar BH semalam.

riapan lapan orang saksi.

"Berkemungkinan besar bilangan saksi akan bertambah bagi melengkapkan siasatan," katanya.

Sementara itu, pasangan suami isteri suspek kes bunuh Nur Aisyah Aleya direman tujuh hari bermula semalam.

Meraka yang tiba dengan tangan bergari, diiringi anggota polis ke kamar mahkamah bagi proses permohonan reman, jam 9.10 pagi.

Reinan terhadap suspek berusia 37 dan 40 tahun dikeluarkan Majistret Mohd Ridzwan Salleh.

Tengkorak dan cebisan rambut kanak-kanak itu ditemui di kawasan gaung di Jalan Gunung Raya jam 11.30 pagi selepas polis menahan sepasang suami isteri yang menjaga mangsa.

Walaupun ibu kandung mangsa membuat laporan kehilangan pada Ahad lalu, dia dipercayai dibunuh pada 16 Februari lalu.

LAMPIRAN 3
SINAR HARIAN (MISTERI): MUKA SURAT 14
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Jumpa gigi, gumpalan rambut

Gigi dan gumpalan rambut itu ditemui di dua lokasi berbeza selepas dua jam operasi

ROSLINDA HASHIM

LANGKAWI

Operasi pencarian anggota badan Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, di sekitar gunung Gunung Raya menemui dua batang gigi dan gumpalan rambut dipercayai milik kanak-kanak itu. Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendent Mohd Iqbal Ibrahim berkata, penemuan itu dijumpai anggota polis dibantu khidmat unit anjing pengesanan (K9) serta anggota bomba pada jam 11 pagi semalam.

Menurutnya, bahagian badan itu dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa sebelum dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar untuk bedah siasat.

"Gigi dan gumpalan rambut itu ditemui di dua lokasi berbeza selepas dua jam operasi dilakukan sekitar kawasan tengkorak dan



Mohd Iqbal pada sidang media ketika operasi mencari saki-baki anggota badan di Gunung Raya semalam.



Operasi pencarian cebisan mayat mangsa diperluaskan kepada jarak 500 meter.



Keratan Sinar Harian semalam.

cebisian rambut kelmarin. Walaupun mayat dipercayai milik mangsa tidak lengkap, proses

bedah siasat diteruskan, hanya itu pilihan yang ada setakat ini," katanya.

Mohd Iqbal berkata, radius pencarian cebisan mayat mangsa diperluaskan kepada jarak 500 meter termasuk ke bahagian cerun terakhir hingga ke kawasan landai, yang mempunyai anak sungai kering.

"Di kawasan hutan ini banyak binatang liar dan biawak, mung-

kin cebisan anggota badan mangsa sudah dibawa lari jauh. Jika radius pencarian diperluas lagi, akan ambil masa lama, penemuan bukti baharu sudah cukup untuk bantu siasatan," katanya.

Menurutnya, lima anak suspek juga telah diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Setakat ini kita sudah mengambil lapan saksi termasuk kakitangan Hospital Langkawi

untuk dirakamkan percakapan," katanya.

Sebelum ini, Nur Aisyah Aleya dilaporkan hilang ketika di bawah jagaan sepasang suami isteri di Kuarters Hospital Langkawi. Polis kemudian menemui tengkorak dan cebisan rambut kanak-kanak itu di kawasan gaung di Jalan Gunung Raya kelmarin selepas suspek ditahan di Ampang, Selangor.



Kedua-dua suspek tiba di Mahkamah Majistret Langkawi.

Suspek bunuh Nur Aisyah Aleya direman seminggu

LANGKAWI - Sepasang suami isteri direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes pembunuhan kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun, Nur Aisyah Aleya Abdullah.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Mohd Ridwan Salleh terhadap suspek lelaki berusia 37 tahun yang mengganggu, manakala isterinya berusia 40 tahun me-

rupakan jururawat di Hospital Langkawi.

Kedua-dua suspek tiba di pekarangan Mahkamah Majistret Langkawi pada 9.00 pagi dengan berpakaian lokap.

Siasatan dilakukan bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Pasangan suami isteri terabit ditahan pada Selasa di sebuah inap desa di Taman Melati, Ampang, Selangor su-

lusan kehilangan Nur Aisyah Aleya selepas ibu kandungnya, Rosmaliah Samo, 32, membuat laporan polis pada 3 Mac lalu.

Mayat kanak-kanak hilang itu kemudian ditemui di kawasan gaung di Gunung Raya pada 11.30 pagi kelmarin, selepas suspek lelaki menunjukkan lokasi mayat mangsa dibuang dipercayai dilakukan pada 16 Februari lalu.

Titisan darah pada toto

LANGKAWI - Toto yang mempunyai beberapa titisan darah dirampas dari rumah pasangan suami isteri di Kuarters Hospital Langkawi untuk membantu siasatan kes pembunuhan kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendent Mohd Iqbal Ibrahim berkata, toto itu diambil dari bilik tidur mangsa, Nur Aisyah Aleya Abdullah oleh Unit Forensik.

Menurut Mohd Iqbal, pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku unsur penderaan terhadap mangsa di rumah berkenaan.

"Toto itu dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Kami akan teruskan siasatan termasuk merakam percakapan semua anak pasangan itu bagi membantu siasatan," katanya.

Mohd Iqbal berkata, ibu mangsa kelihatan sedih apabila dimaklumkan mengenai penemuan tengkorak dan cebisan rambut di kawasan gaung di Gu-

nung Raya, kelmarin.

"Ibu mangsa sanggup beri kerjasama untuk ambil ujian asid deoksiribonukleik (DNA) di Hospital Langkawi. Sampel darah pasangan suspek itu juga akan diambil untuk bantu siasatan selepas kita temui titisan darah pada toto. Ini kerana suspek wanita ada mengatakan suaminya pernah memukul," katanya.

Menurutnya, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Langkawi bersama Unit K-9 akan terus melakukan pencarian di lokasi penemuan tengkorak mangsa bagi mencari anggota badan lain. "Kami bimbang anggota badan mangsa sudah dimakan binatang buas, kami turut perluaskan kawasan pencarian di sekitar hutan tebal itu," katanya.

Bedah siasat terhadap penemuan cebisan rambut dan tengkorak Nur Aisyah Aleya akan dilakukan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, hari ini bagi mengetahui punca sebenar kematian kanak-kanak itu.

LAMPIRAN 4 KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 3 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Dua anggota badan ditemui dengan bantuan K9 berhampiran tengkorak Nur Aisyah **Jumpa gigi, rambut di Gunung Raya**

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

LANGKAWI – Operasi pencarian menemui dua batang gigi dan gumpalan rambut di sini semalam dipercayai milik seorang budak perempuan, Nur Aisyah Aleya, 3, yang mayatnya ditemui dalam keadaan menyayat hati di dalam gaung Gunung Raya kelmarin.



KERATAN Kosmo! semalam.

Anggota badan itu ditemui pasukan mencari yang dibantu khidmat unit anjing pengesanan (K9) di kawasan gunung tersebut kira-kira pukul 11 pagi.



NUR AISYAH ALEYA

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, operasi pencarian oleh 31 anggota polis dan bomba bermula pada pukul 9 pagi semalam dan berakhir empat jam kemudian. "Selepas dua jam operasi, kita berjaya menemui

dua batang gigi dan dua gumpalan rambut di dua lokasi berbeza berhampiran tempat tengkorak kepala dan cebisan rambut yang ditemui semalam," katanya ketika ditemui di lokasi pencarian di Gunung Raya di sini semalam.

Kata beliau, gigi dan gumpalan rambut itu akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis sebelum dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar bagi tujuan be-



MOHD. IQBAL (dua dari kanan) melihat kawasan gaung yang menjadi lokasi pencarian anggota badan Nur Aisyah yang mayatnya ditemui dipercayai akibat dibunuh selepas dilaporkan hilang sejak penghujung bulan lalu.

dah siasat. "Proses bedah siasat akan diteruskan walaupun mayat dipercayai milik kanak-kanak itu tidak lengkap kerana hanya itu pilihan yang ada," ujarnya. Mengulas mengenai operasi pencarian, Mohd. Iqbal berkata ia akan dilakukan lagi sekiranya ada keperluan untuk berbuat demikian. "Polis dengan bantuan

anggota bomba hari ini (semalam) telah meluaskan radius pencarian kepada 500 meter dengan kecuraman kawasan gaung 45 darjah," ujarnya. Katanya, anggota badan lain Nur Aisyah Aleya dipercayai telah dimakan atau dilarikan haiwan liar seperti monyet dan biawak. Beliau pada masa sama



BEKAS plastik mengandungi gumpalan rambut dan gigi yang ditemukan oleh anggota pasukan keselamatan di kawasan Gunung Raya, Langkawi semalam.

berkata, lima anak suspek berusia antara tiga hingga 12 tahun telah diambil keterangan di Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur. "Setakat ini kita telah memanggil lapan saksi

termasuk kakitangan Hospital Langkawi (HL) untuk dirakam percakapan," ujarnya.

Tambahnya, ibu kandung Nur Aisyah Aleya, Rosmaliah Samo, 32, juga telah memberikan sampel darah bagi melakukan ujian padanan asid deosiribonukleik (DNA) di HL.

Kosmo! semalam melaporkan, tanda tanya mengenai kehilangan seorang budak perempuan berusia tiga tahun sejak awal bulan lalu berakhir dengan kisah sedih apabila polis mengesahkan mangsa dibunuh selepas menemui tengkorak dan cebisan rambut mangsa di Gunung Raya di sini.

Mangsa sebelum itu dilaporkan hilang ketika berada dalam jagaan sepasang suami isteri di kuarters kakitangan Hospital Langkawi.

Jarak antara kuarters tersebut dengan lokasi mayat ditemui di Gunung Raya adalah kira-kira 25 kilometer.

Suami isteri direman 7 hari bantu siasatan kes bunuh Nur Aisyah

LANGKAWI – Sepasang suami isteri direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes pembunuhan kanak-kanak perempuan, Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, yang mayatnya ditemui di kawasan gaung Gunung Raya di sini kelmarin.

Perintah tahanan reman terhadap suspek lelaki berusia 37 tahun yang tidak bekerja dan isterinya berusia 40 tahun, se-

orang jururawat Hospital Langkawi itu dikeluarkan Majistret Mohd. Ridwan Salleh.

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Terdahulu, kedua-dua suspek tiba di pekarangan Mahkamah Langkawi di sini kira-kira pukul 9 pagi semalam dengan lengkap berpakaian lokap.

Pasangan suami isteri terbabit ditahan pada petang Selasa lalu

di sebuah inap desa di Taman Melati, Ampang di Selangor berhubung kes kehilangan Nur Aisyah Aleya yang dilaporkan ibu kandungnya, Rosmaliah Samo, 32, pada 3 Mac lalu.

Mayat kanak-kanak malang itu kemudian ditemui di satu kawasan gaung di Gunung Raya kira-kira pukul 11.30 pagi kelmarin selepas suspek menunjukkan kepada polis lokasi mayat mangsa dibuang pada 16 Februari lalu.



SEPASANG suami isteri dibawa ke Mahkamah Majistret Langkawi semalam untuk mendapatkan perintah reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes kematian Nur Aisyah.

LAMPIRAN 5
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Kes bunuh Aisyah Aleya, dua batang gigi, rambut ditemukan

LANGKAWI 7 Mac - Dua batang gigi dan dua gumpalan rambut dipercayai milik Nur Aisyah Aleya Abdullah ditemukan dalam operasi pencarian yang dilakukan pasukan polis dan bomba di kawasan gaung Gunung Raya, di sini hari ini.

Ketua Polis daerah, Superintenden Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, kedua-dua penemuan tersebut dijumpai berdekatan tengkorak kepala kanak-kanak berusia tiga tahun itu yang berjarak 10 meter dari jalan raya kira-kira pukul 11 pagi.

Menurutnya, gigi dan gumpalan rambut tersebut akan dihantar ke **Jabatan Kimia** bagi proses

pengesahan identiti bersama-sama tengkorak kepala yang ditemukan semalam.

“Anjing pengesan yang turut melakukan operasi mencari, berpusing-pusing di sekitar kawasan itu sebelum kita menemukan gigi dan rambut tersebut tidak jauh dari lokasi tengkorak kepala ditemukan.

“Sehubungan itu, operasi mencari akan dihentikan setakat ini kecuali ada keperluan untuk kita meneruskannya memandangkan penemuan itu sudah membolehkan proses autopsi dilakukan” katanya ketika ditemui di lokasi pencarian di sini hari ini Semalam, mayat Nur Aisyah

Aleya ditemukan di kawasan gaung Gunung Raya kira-kira pukul 11.30 pagi dalam keadaan ngeri apabila hanya tengkorak kepala dan cebisan rambut dipercayai miliknya ditemukan.

Isusulan penahanan dua suspek di sebuah inap desa di Ampang, Selangor, kelmarin yang dipercayai melarikan diri selepas ibu kanak-kanak itu membuat laporan polis ekoran anaknya hilang di rumah suspek.

Tambah Mohd. Iqbal, radius pencarian hari ini diperluaskan sehingga 500 meter dengan tahap kecuraman kira-kira 45 darjah yang membabitkan 31 anggota kedua-dua agensi itu.



ANGGOTA polis membawa gumpalan rambut dan dua batang gigi yang ditemukan ketika melakukan operasi mencari anggota badan mayat Nur Aisyah Aleya Abdullah di Gunung Raya, Langkawi, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

LAMPIRAN 6
 KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 4
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

30 sakit dada hidu gas metana

Oleh SHARKAWI LONDING

PASIR GUDANG – Seramai 35 mangsa dikejarkan ke hospital selepas terhidu bau sisa buangan berjadual dipercayai bahan kimia jenis metana yang dibuang di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 9 pagi itu, tiga mangsa iaitu dua pelajar dan seorang pekerja kantin Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih dilaporkan kritikal dan kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin Jamal berkata, dua lagi mangsa iaitu staf Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan staf Klinik Kesihatan Pasir Gudang ditempatkan di Zon Kuning iaitu bagi kategori separa kritikal.

"Setakat ini seramai 35 mangsa berusia antara tujuh hingga 40 tahun terlibat yang mana 21 dirawat di HSI, enam dirawat di Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan tiga ditempatkan di Klinik Kesihatan Penawar.

"Dua mangsa iaitu pelajar se-



ANGGOTA dari Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) mengambil sampel air di lokasi pembuangan bahan-bahan sisa buangan di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang semalam.

kolah dan pekerja kantin diberi bantuan pernafasan selepas mereka mengalami sesak nafas dan muntah-muntah," katanya pada sidang akhbar di HSI di sini semalam.

Sahrudin berkata, maklumat awal daripada orang awam mendapati mereka ada ternampak sebuah lori tangki membuang sisa buangan di kawasan pembinaan jambatan di Sungai Kim Kim pada malam kelmarin.

Jelasnya, bahan buangan itu kemudiannya mengalir ke arah hilir sungai sejauh 1.5 kilometer daripada tempat sisa buangan dibuang.

"Sepanjang sungai ini terdapat dua buah sekolah iaitu SMK Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Pasir Putih.

"Pelajar-pelajar mula mengadu terhidu bau gas dan muntah-muntah kira-kira pukul 9 pagi sebelum mereka diarahkan



SALAH seorang pelajar yang menerima rawatan selepas mengalami sesak nafas akibat terhidu gas metana di SMK Taman Pasir Putih, Pasir Gudang semalam.

berkumpul di kawasan padang sekolah.

Sahrudin berkata, sehingga kini pihaknya masih menyiasat dan melakukan pencegahan dengan meletakkan 'oil boom' bagi menyerap bahan sisa buangan daripada terus merebak.

Jarak antara kawasan sekolah dengan tebing Sungai Kim Kim ialah kira-kira 500 meter.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

INFO Kesan gas metana kepada manusia

- Muntah
- Pening
- Loya
- Sesak nafas
- Pitam
- Pernafasan laju
- Hilang keseimbangan badan

Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis berkata, pihaknya masih mengenalpasti jenis bahan kimia yang dibuang, tetapi percaya ia adalah bahan mudah terbakar.

"Pihak forensik juga sudah mengambil sampel air dan tanah di kawasan ini untuk mengetahui jenis bahan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Agama negeri Johor, Aminolhuda Hassan berkata, dua buah sekolah terbabit diarahkan tutup buat sementara waktu sehingga kes ini selesai.

Katanya, penutupan sekolah ini melibatkan lebih 1,600 pelajar termasuk guru dan staf sokongan.

LAMPIRAN 7
 UTUSAN MALAYSIA (MUKA DEPAN): MUKA SURAT 1
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

MINDA RAKYAT

1939-2019
 PERJUANGAN & PENGORBANAN

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT 08.03.19 | REJAB 1440

3 kritikal dirawat di ICU, 21 masuk wad

BUANG TOKSIK DALAM SUNGAI

**BERITA
 DI MUKA 5**

ANGGOTA Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) mengambil sampel air di Sungai Kim Kim, yang dicemari pembuangan bahan toksik di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor Bahru, semalam yang menyebabkan murid sekolah sesak nafas (gambar atas). - UTUSAN/ NUR AISYAH MAZALAN

- » Penduduk saksi sebuah lori tangki membuang sisa toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang di Johor Bahru.
- » Tiga mangsa kritikal dirawat di ICU, lima di unit kecemasan dan 18 di wad Hospital Sultan Ibrahim.
- » Dua sekolah yang hanya 500 meter dari sungai, diarah tutup sementara.
- » Kerajaan Johor berikrar akan mendakwa pesalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- » Pihak berkuasa masih menyiasat jenis bahan kimia yang dibuang.

LAMPIRAN 7(SAMB)
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

**Sisa kimia:
 35 sesak
 nafas,
 muntah,
 pengsan**

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
 penganggotuan.com.my

PASIR GUDANG 7 MAC

SUASANA di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih di sini gempar apabila 35 mangsa terhidu sisa kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim berhampiran sekolah itu hari ini.

Dalam kejadian pukul 9 pagi itu, kesemua mereka yang terhidu bahan buangan berjadual dipercayai bahan kimia jenis metana termasuk pihak agensi kerajaan yang datang memberi bantuan, dikejarkan ke hospital dan klinik untuk rawatan kecemasan.

Dua daripada mangsa iaitu seorang pelajar dan pekerja kantin SMK Taman Pasir Putih diberi bantuan pembedahan di Hospital Sultan Ismail (HSI) di

Johor Bahru. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sharuddin Jamal berkata, dua lagi mangsa iaitu seorang staf Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Klinik Kesihatan Pasir Gudang ditempatkan Zon Kuning.

"Pihak kita setakat ini menerima 35 mangsa berusia antara tujuh hingga 40 tahun yang mana 26 dirawat di HSI, manakala yang lain dibenarkan pulang selepas mendapat rawatan pesakit luar.

"Dua mangsa iaitu pelajar sekolah dan pekerja kantin diberi bantuan pembedahan selepas mengalami sesak nafas dan muntah-muntah," katanya dalam sidang akhbar di HSI di sini hari ini.

Terdahulu pelajar-pelajar mula mengadu terhidu bau gas dan muntah-muntah kira-kira pukul 9 pagi sebelum mereka diarahkan berkumpul



ANGGOTA Hazmat mengambil sampel air di lokasi pencemaran sisa kimia di Sungai Kim-Kim, Taman Kota Masai, Johor Bahru, semalam.



SUASANA cemas pelajar dan kakitangan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih yang mengalami sesak nafas dipercayai terhidu sisa kimia.

di kawasan padang sekolah sebelum pihak pengurusan kedua-dua sekolah itu mengarahkan semuanya pulang.

Menurut Sharuddin, sehingga kini pihaknya masih melakukan pencegahan dengan meletakkan oil boom bagi menyerap bahan

sisa buangan daripada terus merebak.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Agama negeri, Aminolhuda Hassan berkata, dua buah sekolah itu diarahkan tutup buat sementara waktu sehingga kes selesai.

**Siasat siapa
 buang
 sisa
 kimia - Exco**

PASIR GUDANG 7 Mac - Kerajaan negeri sedang meniasat kemungkinan sisa kimia yang didakwa dibuang dari sebuah lori tangki ke dalam Sungai Kim Kim menjadi punca pencemaran gas metana di kawasan sekitarnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin Jamal berkata, berdasarkan maklumat awal, ada orang awam ternampak sebuah lori tangki membuang bahan mencurigakan dipercayai sisa kimia di kawasan pembinaan jambatan di sungai tersebut malam semalam.

Menurutnya, bahan itu kemudian mengalir ke arah hilir sungai sejauh 1.5 kilometer daripada tempat sisa buangan dibuang.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) bomba sedang bekerjasama meniasat kejadian itu.

"Kalau kita tahu siapa yang membuang sisa kimia itu, kita boleh dakwa di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana denda maksimum RM500,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Terdahulu, seramai 1,600 pelajar dan guru dari Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih diarahkan pulang ke rumah selepas seorang pelajar didapati pengsan manakala beberapa yang lain mengalami muntah.



SEORANG pelajar yang mengalami sesak nafas kerana dipercayai terhidu sisa kimia dibawa masuk ke dalam ambulans untuk dihantar ke hospital di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/AISHAH MAZALAN

Bau gas macam getah perangkap tikus

PASIR GUDANG 7 Mac - Penduduk sekitar Taman Pasir Putih dan Kota Masai di sini merasa terancam dan bimbang dengan sisa bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim di sini.

Menurut mereka, sungai itu berhampiran dengan kawasan perumahan dan pencemaran tersebut mengakibatkan penduduk tidak selesa selain mula mengalami masalah kesihatan termasuk batuk.

Seorang penduduk, Sahlina Hashim, 42, berkata, mereka terhidu bau kuat seperti bau getah perangkap tikus kira-kira pukul 2 pagi ini sebelum mula

rasa tidak selesa.

Menurutnya, pada pukul 12 tengah hari dia yang juga suri rumah menghubungi adiknya yang tinggal berdekatan rumahnya di Kota Masai dan mengadu sesak nafas.

"Pada waktu pagi dia ada hubungi saya dan hanya mengadu mengalami batuk dan tubuh tidak selesa selepas menghidu bau berkenaan.



SAHLINA HASHIM

Apabila menghubungi saya pukul 12 tengah hari dia menyatakan sesak nafas mengakibatkan saya bergegas ke rumahnya yang terletak tidak jauh dari kediaman keluarga saya.

"Apabila tiba ke hadapan rumah, saya terkejut melihatnya rebah dan saya segera membawanya ke Unit Kecemasan Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru serta adik yang masih menerima rawatan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

LAMPIRAN 8
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 5
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Dozens rushed to hospital due to toxic fumes

By MOHD FARHAAN SHAH
and VENESA DEVI
newsdesk@thestar.com.my

PASIR GUDANG: Students of a school here attended classes as usual but as soon after several of them started vomiting, the teachers knew something was terribly wrong.

As more students complained of feeling unwell and some having difficulties in breathing, alarm bells were triggered.

SK Taman Pasir Putih pupil affairs teacher Mohd Huzaini Jusnin said he alerted the Fire and Rescue Department at 8.30am for an emergency assistance.

Mohd Huzaini said, while entering the school earlier, they could sense a strong smell coming from the river nearby.

“Once the pupils started to feel sick one after another, we knew something had to be done fast.

“But we did not know what was wrong and suspect that it had something to do with the pungent odour,” he said, adding that firemen and several ambulances arrived shortly after.

Mohd Huzaini said they were instructed to shut down the school and evacuate all pupils.

Seven pupils and one canteen operator were rushed to hospital for medical treatment.

Some students in the adjacent school – SM Pasir Putih – also exhibited the same symptoms and were rushed to hospital.

One of the residents living near Sungai Kim Kim also felt unwell due to the strong stench.

Housewife Sahaliza Hasim, 36, complained of having difficulties in breathing and feeling nauseous since she woke up in the morning.

Her sister Salina, 42, said she received a call from her younger sister about her condition.

“At about 11am, she called me



Shocking situation: Several students being given emergency treatment by the Fire and Rescue Department in Taman Pasir Putih, Pasir Gudang. — Bernama

again, asking for help to send her to the clinic.

“She fainted few minutes after I arrived at her house,” she said when met at the Sultan Ismail Hospital here.

Salina has yet to be allowed to see her sister and is worried about her condition.

Authorities are now investigating a chemical waste dump along Sungai Kim Kim, which is about 500m away from the two schools.

Johor Fire and Rescue Department chief Datuk Yahaya Madis said the Hazmat team and officials from the Department of Environ-

ment had taken water and soil samples near the location.

“We will also carry out preventive measures to stop the chemical from contaminating the river,” he said.

Johor Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal said that 26 patients were brought to the Sultan Ismail Hospital, six to Pasir Gudang health clinic and three others to Penawar Hospital.

“Three victims, including a student, are receiving breathing aid in ICU.

“The rest of the patients are in

stable condition,” he said, adding there were several cases of river pollution in the past.

Dr Sahrudin said the case was being investigated under Section 34B of the Environmental Quality Act, which carries a fine of not more than RM500,000, or up to five years jail, upon conviction.

The Johor Education Department has ordered both schools to close until further notice.

Watch the video
thestartv.com



LAMPIRAN 9 BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 18 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

28 mangsa gas beracun dari sungai dirawat

➔ 1,400 pelajar dua sekolah diarah kosongkan kawasan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Nurul Amanina Suhaini
cnews@bh.com.my
Johor Bahru

Seramai 28 mangsa termasuk 24 pelajar dirawat di hospital dan klinik kesihatan selepas terhidu gas dipercayai metana berikutan pembuangan bahan kimia secara haram di Sungai Kim Kim berhampiran kawasan sekolah di Taman Pasir Putih di sini, pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal, berkata seramai 19 orang dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI), Klinik Kesihatan Pasir Gudang (tujuh) dan Hospital Penawar (dua).

"Daripada 19 mangsa yang dihantar ke HSI, lapan masih dirawat di zon merah iaitu zon kritikal manakala bakinya di zon kuning," katanya ketika ditemui selepas me-

lawat pusat operasi di luar Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih di sini, semalam.

Difahamkan, mangsa yang dihantar ke Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan Hospital Penawar berada dalam keadaan stabil.

Semua mangsa terdiri daripada 24 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, selain empat pekerja kantin yang berusia lingkungan tujuh hingga 40 tahun.

Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah turut berkenan melawat 19 mangsa yang menerima rawatan di HSI.

"Terdahulu, seramai 1,400 pelajar di kedua-dua sekolah itu diarahkan mengosongkan kawasan sekolah apabila ramai pelajar mengalami sesak nafas, muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Johor Bahru, Lokman Hakim Sulaiman, berkata pi-



Pasukan perubatan mengusung pelajar yang terhidu gas beracun untuk dihantar ke hospital, semalam.



Daripada 19 mangsa yang dihantar ke HSI, lapan masih dirawat di zon merah iaitu zon kritikal manakala bakinya di zon kuning"

Dr Sahrudin Jamal, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor

haknya menerima panggilan berhubung kejadian pada jam 5.15 pagi.

"Sebuah jentera dari Balai Bomba Pasir Gudang dengan kekuatan lima anggota dibantu lapan anggota Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor dikerah ke lokasi kejadian.

Jenis metana

"Maklumat diterima terdapat bau yang disyaki gas kimia di kawasan sungai, hasil pemeriksaan terdapat kesan bahan kimia dan gas yang dikesan adalah jenis metana (UN 1971).

"Pengosongan kawasan dilakukan dalam jarak 500 meter membatinkan 1,400 pelajar dan guru dari SMK Taman Pasir Putih dan SK Taman Pasir Putih," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Lokman Hakim berkata, seorang kanak-kanak lelaki pengsan dan

lima lagi muntah termasuk seorang kanak-kanak perempuan eko-kan kejadian itu.

"Operasi masih dijalankan dan turut dibantu Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor dalam satu kenyataan berkata kedua-dua sekolah berkenaan ditutup sehingga esok.

"JPN Johor akan memantau rapi keadaan di kedua-dua sekolah itu dan juga sekolah lain di kawasan berhampiran serta memutuskan sama ada keputusan menutup perlu dilanjutkan atau pun sebaliknya pada hari Ahad dengan nasihat daripada pihak yang berwajib.

"Sehubungan itu semua aktiviti kokurikulum pada hari Sabtu ini (esok) juga dibatalkan," katanya.



Anggota Hazmat dan pegawai JAS mengambil sampel bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim, semalam.

Lori tangki buang bahan kimia

Pasir Gudang: Pembuangan bahan kimia daripada sebuah lori tangki ke dalam sungai dipercayai menjadi punca penyebaran gas metana yang memaksa dua sekolah di Taman Pasir Putih di sini, dikosongkan semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis, berkata siasatan pihaknya mendapati ada saksi melihat kegiatan mencurigakan sebuah lori tangki itu berhenti di tepi Sungai Kim Kim berhampiran sekolah terbabit.

"Saksi terbabit temampak lori itu berhenti berhampiran sebuah jambatan yang dalam pembinaan sebelum beberapa lelaki keluar dan menurunkan hos dari tangki

ke dalam sungai.

"Kita percaya mereka membuang bahan kimia berbentuk minyak yang mengeluarkan gas metana di kawasan sejauh 500 meter dari tempat pembuangannya termasuk dua sekolah terbabit.

Ada yang muntah

"Sehingga kini (jam 3 petang) seramai 20 orang termasuk 11 murid sekolah rendah, sekolah menengah (enam) dan pekerja kantin (tiga) terjejas dengan ada yang muntah serta pengsan selepas menghidu gas berkenaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pagi semalam, seramai 1,400 pelajar di Sekolah Menengah Kebang-

saan (SMK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, diarah mengosongkan kawasan sekolah itu apabila ramai pelajar mengalami sesak nafas, muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dan pasukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah mengambil sampel cecair itu untuk dihantar ke makmal untuk ujian menentukan kandungan sebenar bahan kimia berkenaan.

Beliau berkata, pasukannya menggunakan peralatan penyerap minyak dikenali sebagai oil boom bagi mengelakkan cecair kimia itu merebak ke kawasan lain.

LAMPIRAN 10
 NEWS STRAIT TIMES (NEWS/NATION): MUKA SURAT 8
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)



Students who inhaled poisonous gas being wheeled to an ambulance in Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor, yesterday. PIX COURTESY OF READERS



1,400 EVACUATED

28 TREATED FOR CHEMICAL POISONING

They may have inhaled methane gas that came from chemicals dumped into a river

NURUL AMANINA SUHAINI
 PASIR GUDANG
 cnews@nstp.com.my

TWENTY-EIGHT people, including 24 students from two schools in Taman Pasir Putih, were treated for chemical poisoning after inhaling what is believed to be methane gas.

Eight of them are in critical condition.

The gas was believed to have come from a nearby river after

chemicals were dumped there. State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal said 19 people were sent to Sultan Ismail Hospital (HSI), seven to Pasir Gudang Health Clinic and two to Penawar Hospital.

"Of the 19 sent to HSI, eight are being treated in the Red Zone, the critical zone, and the rest are in the Yellow Zone," he said after visiting SMK Pasir Putih.

It is understood that those sent to the health clinic and Penawar

Hospital are in stable condition. Besides 24 students from SMK Pasir Putih and SK Pasir Putih, victims include four canteen workers, aged between 7 and 40.

The 1,400 students of the two schools were ordered to evacuate the premises as many of them experienced breathing problems and vomiting, with some even fainting.

State Fire and Rescue Department director Datuk Yahaya Madis said it is believed that a

tanker dumped chemicals illegally into Sungai Kimkim.

He said this was based on information from witnesses.

"Witnesses saw the tanker stop by the river near a bridge under construction.

"They claim they saw several men get out of the vehicle and place a hose from the tanker into the river.

"An oily liquid was released into the river, and this liquid is believed to have released methane

gas, which spread in a radius of about 500m"

Yahaya said the department's hazardous materials unit and officers from the Department of Environment had collected samples from the river.

He said the samples would be tested to determine what chemical had been dumped into the river.

He said firefighters used an oil boom to stop the oily liquid from flowing further down the river.

	SUBUH (ami)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISYAK
Melaka	6:04	7:20	1:25	4:35	7:26	8:35
Penang	6:12	7:26	1:32	4:46	7:32	8:41
K. Lumpur	6:07	7:21	1:27	4:39	7:28	8:37
Johor Baru	5:57	7:13	1:18	4:28	7:20	8:29
Kuantan	6:01	7:17	1:21	4:33	7:23	8:31
Ipoh	6:09	7:23	1:30	4:43	7:30	8:39



A Fire and Rescue Department personnel collecting samples from Sungai Kimkim in Pasir Gudang yesterday. BERNAMA PIC

LAMPIRAN 11
SINAR HARIAN (SETEMPAT): MUKA SURAT 23
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Usaha tangani kes pembakaran terbuka

KLANG - Beberapa inisiatif akan dilaksanakan bagi menangani kes pembakaran terbuka tanah gambut di Kampung Johan Setia, di sini.

ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, pihaknya memandang serius isu terbabit yang kerap dilapor di kawasan itu.

Menurutnya selain Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Kandis, ia turut menjadi tumpuan ahli majlis, MPKK Kampung Johan

Setia, PBT, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

"Disebabkan itu, pejabat Ahli Majlis Zon N49B menerusi Ahli Majlisnya, Megat Shariffudin Shahrudin dengan kerjasama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Johan Setia dengan sokongan Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Kandis akan laksana beberapa inisiatif banteras kegiatan pembakaran terbuka, sama ada disengaja mahupun tidak.

"Antara inisiatif tersebut adalah melancarkan Kempen Banteras Pembakaran Terbuka (BPT)-Johan Setia," katanya.

Menurutnya, kempen bertujuan membudayakan penglibatan penduduk dalam usaha melestarikan keindahan dan kesejahteraan kawasan.

Penduduk akan bertindak sebagai ejen maklumat melaporkan pembakaran terbuka secara 'on the spot' menggunakan kaedah laporan (STS – Snap, Tag & Send).

"Menggunakan aplikasi WhatsApp, penduduk hanya perlu lakukan tiga langkah mudah iaitu ambil gambar 'snap', tanda lokasi 'maps' (tag) dan hantar 'send' kepada nombor koordinat Unit Bertindak Kempen.

"Selain itu pejabat Ahli Majlis Zon N49 akan dijadikan pusat hentian setempat untuk anggota Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (Skuad Pantas) dan agensi terlibat dalam menjalankan operasi.



Pelbagai inisiatif diambil bagi menangani isu pembakaran terbuka di Kampung Johan Setia.

LAMPIRAN 12 SINAR HARIAN (SETEMPAT): MUKA SURAT 34 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

30 individu terjejas akibat sisa kimia

PASIR GUDANG - Seramai 30 mangsa disahkan terjejas ekoran kejadian pencemaran sisa bahan kimia yang dibuang secara haram di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, di sini, semalam.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian, Dr Sahrudin Jamal berkata, kesemua mangsa telah dibawa ke beberapa hospital berhampiran untuk menerima rawatan.

"Seramai 19 orang dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI), Klinik Kesihatan Pasir Gudang (tujuh) dan Hospital Penawar (dua).

"Daripada 19 mangsa yang dihantar ke HSI, lapan masih dirawat di Zon Merah iaitu zon kritikal manakala bakinya di Zon Kuning," katanya kepada *Sinar Harian*.

Difahamkan, mangsa yang dihantar ke Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan Hospital Penawar berada dalam keadaan stabil. Semua mangsa terdiri daripada 26 pel-



SAHRUDDIN

ajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, selain empat pekerja kantin berusia antara tujuh hingga 40 tahun.

Mangsa diberikan rawatan susulan mengalami masalah sesak nafas dan muntah-muntah dipercayai akibat bau gas yang kuat.

Menurutnya, pengawasan dan gerakan mengawal kejadian tersebut sedang giat dijalankan dari masa ke semasa.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius berhubung isu tersebut selain akan mengenakan tindakan undang-undang kepada pihak yang ditangkap melakukan pembuangan sisa bahan kimia tersebut.

"Kalau kita tahu siapa yang membuangnya, kita boleh dakwa di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana denda maksimum RM500,000 dan penjara tidak melebihi 5 tahun," katanya.

Dua sekolah diarah tutup: Exco

JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor mengarahkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih ditutup sementara susulan kes pencemaran bahan kimia yang dipercayai dibuang secara haram di Sungai Kim Kim, semalam.

Exco Pendidikan dan Agama Negeri Johor, Aminolhuda Hassan berkata, arahan penutupan sekolah tersebut akan dilaksanakan sehingga keadaan benar-benar terkawal.

"Penutupan sekolah ini melibatkan lebih 1,600 pelajar termasuk guru dan staf sokongan."

"Kita arahkan semua pelajar pulang dan sekolah ditutup buat sementara waktu sehingga kes ini dapat dikawal," katanya ketika ditemui semasa melakukan lawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini, semalam.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian, Sahrud-

Penutupan melibatkan 1,600 pelajar, guru dan staf sokongan.

din berkata, pihaknya dimaklumkan orang awam ada ternampak sebuah lori tangki membuang sisa buangan berjadual di kawasan pembinaan jambatan di Sungai Kim Kim, malam kelmarin.

Jelasnya, bahan buangan kemudiannya mengalir ke arah hilir sungai sejauh 1.5 kilometer daripada tempat sisa buangan dibuang.

"Sepanjang sungai ini terdapat dua buah sekolah iaitu SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih. Pelajar-pelajar mula mengadu terhidu bau gas dan sesak nafas serta muntah-muntah kira-kira jam 9 pagi sebelum kesemua mereka diarahkan berkumpul di kawasan padang sekolah," katanya.

Serap bahan kimia elak merebak

Guna peralatan khas dikenali oil boom di kawasan terjejas tumpahan

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah meletakkan peralatan khas menyerap minyak (*oil boom*) di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, di sini, bagi mengawal bahan kimia yang dipercayai dibuang di sungai berkenaan agar tidak merebak.

Pengarahnya, Datuk Yahaya Madis berkata, seramai 30 pegawai dan anggota bomba melibatkan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS), Forensik dan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (hazmat) telah ditugaskan di lokasi kejadian.

"Kita sudah meletakkan *oil boom* di beberapa kedu-



Sungai Kim Kim yang dipercayai tempat berlakunya buangan bahan kimia berkenaan.

dukan sungai yang dipercayai terjejas. Fungsinya adalah untuk menyerap bahan kimia, sekali gus mengelakkannya daripada terus merebak.

"Berdasarkan laporan, kawasan terjejas melibatkan kawasan radius 500m dari sungai sepanjang kira-kira 1.5km ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pusat Operasi Pembersihan Sungai Kim Kim, di sini, semalam.

Beliau berkata, buat masa ini pihaknya sedang mengenal pasti jenis bahan kimia yang dibuang ke dalam sungai berkenaan.

"Kita masih lagi mengenal pasti jenis bahan kimia yang dibuang tetapi percaya ia adalah bahan mudah terbakar.

"Forensik juga sudah mengambil sampel air dan tanah di kawasan ini untuk mengetahui jenis bahan itu," katanya.

Terdahulu, seramai



Yahaya menunjukkan sampel bahan kimia yang diambil.

enam pelajar menerima rawatan termasuk salah seorang daripadanya pengsan apabila kawasan sekolah di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang dicemari dengan tumpahan kimia merbahaya yang dipercayai berlaku di sungai berhampiran.

Kesemua mangsa berkenaan melibatkan pelajar dari dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih.

Pasukan hazmat dibantu Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang telah bergegas ke lokasi sejurus panggilan.

Memberitahu perkembangan terkini mangsa, Yahaya berkata, seramai 20 mangsa terdiri daripada pelajar dan kakitangan dua sekolah berkenaan telah dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk menerima rawatan.

"Setakat ini 11 pelajar sekolah rendah, enam sekolah menengah dan tiga kali-


INFO KEJADIAN

Lokasi: Sungai Kim Kim, Pasir Gudang
Bahan Kimia: Mudah terbakar
Jenis: belum dikenal pasti
Mangsa: 26 pelajar, empat pekerja kantin
Anggota terlibat: 30 orang - unit EMRS, forensik dan hazmat

tangan sekolah dibawa ke HSI untuk mendapatkan rawatan," katanya.



LAMPIRAN 13 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)



METANA BUAT PENGSAN

35 mangsa termasuk pelajar sekolah dikejar ke hospital terhidu gas kimia

Sisa kimia tumpah dalam sungai

Johor Bahru: Seramai 35 individu termasuk pelajar sekolah dikenalpasti mendapatkan rawatan akibat pengsan dan muntah-muntah selepas terhidu tumpahan gas kimia dipercayai metana di sungai berdekatan dalam kejadian di dua sekolah di Taman Pasir Putih di Pasir Gudang, malam.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz berkata bagaimanapun hanya 26 orang masih dirujuk di Hospital Sultan Ismail (HSI), sehingga jam 5 petang ini, manakala selebihnya dibenarkan pulang.

"Semua 26 mangsa yang dirujuk ke HSI ketika ini membabitkan 16 pelajar dan 10 dewasa. Daripada jumlah itu 21 dimasukkan ke wad dan lima lagi masih dirawat di unit kecemasan," katanya.

Katanya, tiga yang dirawat dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan mangsa dalam keadaan stabil.

"Di antara mereka yang dirujuk ke hospital juga terdapat lima orang mangsa anggota kesihatan (empat orang dari HSI dan seorang dari Klinik Kesihatan)," katanya.

Beliau berkata, Pasukan Perubatan dan Kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan Unit Trauma Hospital Sultan Ismail turun ke lapangan untuk menjalankan penilaian dan respon bersama agensi lain yang berkaikan, selain Pasir Gudang Mutual Aid (PAGEMA) di bawah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) juga diaktifkan.

"JKN Johor juga akan terus bekerjasama dengan semua

agensi yang terlibat dalam memastikan kesihatan dan keselamatan penduduk adalah terjaga.

"Antara tindakan proaktif yang diambil adalah dengan mengeluarkan tanda alert kepada klinik kesihatan, klinik swasta, hospital kerajaan dan hospital swasta bagi melaporkan kes yang mempunyai gejala pedih mata, sakit dada dan sesak nafas dan disyaki terhidu dan terdedah kepada bahan kimia itu.

"Pemantauan akan diteruskan sehingga tiada kes yang dilaporkan," katanya.



PELAJAR memakai topeng muka berikutan limpahan bahan kimia di sungai berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

Mohd Sabran Md Sani,
Mary Victoria Dass
dan Nurul Amanina Suhaini.
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

"Kami memang panik kerana bau sangat kuat, tiba-tiba ada yang muntah dan lebih teruk ada yang pengsan," kata seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Muhammad, 14.

Menurutnya, pada masa sama beberapa rakannya juga mengadu loya.

"Keadaan memang cemas

kerana pelajar yang pengsan dibawa ke padang," katanya yang ditemui di luar kawasan sekolah berkenaan, semalam.

Muhammad berkata, melihat kejadian itu ramai pelajar yang keluar dari kelas dan menjauhi kawasan sekolah.

Katanya, rakan yang pengsan diberi bantuan oleh anggota perubatan Angkatan Pertahanan Awam (APM) sebelum dibawa ke hospital.

"Saya bersyukur kerana tidak mengalami sebarang masalah walaupun terhidu bau berkenaan," katanya kepada Harian Metro.


Sementara itu, seorang penduduk di Taman Kota Masai yang terletak berhampiran Sungai Kim Kim, Sahliina Hashim, 42, berkata, dia terhidu bau busuk sekitar jam 3 pagi.

"Ketika itu, saya berasa tidak sedap hati kerana bimbang bau kuat seperti bau



LAMPIRAN 13(SAMB) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

ANGGOTA Hazmat dan pegawai JAS mengambil sampel bahan kimia yang dibuang di sungai.



gam tikus berkenaan boleh memudaratkan kesihatan," katanya.

Menurutnya, jangkaannya tepat apabila adiknya, Sahaliza, 36, yang tinggal berhampiran mengubunginya pagi semalam memberitahu berasa tidak sedap badan.

"Namun dia menghubungi saya semula jam 12 tengah hari dan memaklumkan sesak nafas.

"Sebaik tiba di rumahnya, saya terkejut melihat dia rebah dan terus pitam," katanya yang membawa adiknya itu menerima rawatan di Unit Kecemasan Hospital Sultan Ismail (HSI).

Sahlina berkata, dia bersyukur kerana anak-anaknya yang belajar di sekolah tidak mengalami sebarang komplikasi.

"Sebagai penduduk kami berharap kejadian ini diberi perhatian serius," katanya.



PASUKAN perubatan mengusung pelajar yang terhidu bahan kimia untuk dihantar ke hospital berdekatan.

LAMPIRAN 13(SAMB) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)



GURU dan murid berkumpul di padang sekolah selepas diberitahu ada pencemaran bau daripada bahan kimia yang melimpah di Sungai Kim Kim berdekatan dengan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

GAS BERACUN

Angkara lori tangki

■ Saksi dakwa ternampak kenderaan berat salur sesuatu ke sungai

Pasir Gudang

Ada saksi mendakwa ternampak lori tangki berhampiran jambatan di tepi Sungai Kim Kim menyalurkan sesuatu menggunakan hos ke dalam air.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor Datuk Yahya Madis berkata, kejadian didakwa dilakukan sekitar jam 2 pagi semalam.

"Berdasarkan laporan, kawasan tercemar membabitkan lingkungan jarak 500 meter daripada sungai sepanjang 1.5 kilometer yang mengalir ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih di sini.

Menurutnya, anggota Balai Bomba Pasir Gudang dan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor sebelum itu dihantar ke sungai berkenaan susulan laporan pencemaran kimia jam 5.15 pagi semalam.

APAKAH METANA?

Kimia Metana adalah sebatian organik atau hidrokarbon yang juga komponen utama gas asli. Metana sukar diangkut dari sumbernya kerana bersifat gas. Gas metana mudah menap dan terbakar. Sisa penjaja juga adalah antara sumber gas metana buatan manusia yang terbesar. Metana menyebabkan keadaan persekitaran kita semakin panas dan penyumbang utama pemanasan global. Gas ini yang dicampur kimia lain bagi tujuan komersial menghasilkan bau busuk.

KESAN PENCEMARAN GAS METANA PADA KESIHATAN

- Boleh menjejaskan paru-paru sekiranya disedut bagi tempoh lama
- Denyut nadi meningkat dan nafas menjadi laju
- Kekurangan oksigen (sophixia) hingga gagal bernafas
- Mual dan muntah
- Pengsan mendadak
- Kematian

GAZ HABA METRO HARIAN

Katanya, maklumat diterima membabitkan bau disyaki gas-kimia metana dari kawasan Sungai Kim Kim di sini.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati terdapat kesan bahan kimia dan gas jenis metana (UN 1971) di sungai itu," katanya di lokasi kejadian.

Menurutnya, pencemaran itu bagaimanapun menyebabkan warga dua sekolah berhampiran mengalami tanda keracunan sekitar jam 9 pagi semalam.

Yahaya berkata, tindakan pengosongan kawasan dilakukan dalam jarak 500 meter membabitkan 1,400 murid dan pelajar SMK Taman Pasir Putih dan SK Taman Pasir Putih.

"Pihak bomba menggunakan peralatan menyerap minyak bagi mengelakkan bahan kimia menghasilkan gas metana di sungai itu merebak ke kawasan sekitar.

"Sehingga kini, Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) sudah mengambil tiga sampel termasuk air dan tanah untuk dikaji kandungannya," katanya.

Dua sekolah diarah tutup tiga hari

Johor Bahru: Dua sekolah yang terjejas akibat pencemaran gas dipercayai metana di Sungai Kim Kim, Kota Masai Pasir Gudang, di sini, diarah tutup selama tiga hari bermula semalam.

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Azman Adnan berkata, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) juga memantau rapi keadaan kedua-dua sekolah itu selain membatalkan semua aktiviti kokurikulum pada Sabtu ini.

"JPN Johor akan memantau dengan rapi keadaan Sekolah Kebangsaan (SK)

Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih selain beberapa sekolah di kawasan berhampiran.

"Kami akan memutuskan sama ada keputusan menutup perlu dilanjutkan ataupun sebaliknya pada hari Ahad ini," katanya.

Sementara itu pihak pengurusan SK Taman Pasir Putih yang dihubungi memaklumkan segera menghubungi Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang sebaik mengesan bau kuat gas di ka-

wasan sekolah itu.

"Pengurusan sekolah atas nasihat Jabatan Pendidikan Negeri Johor, dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang berdasarkan prosedur operasi Standard (SOP) juga mengarahkan semua murid mengosongkan sekolah," katanya.

Katanya, jabatan ini juga menjunjung kasih kepada Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah atas keprihatinan Tuanku berangkat ke Hospital Sultan Ismail (HSI) bertemu murid terbiat.

LAMPIRAN 14
THE SUN (NEWS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

Toxic gas leak

PASIR GUDANG: Eight students were hospitalised after they were affected by methane exposure near two schools yesterday.
They were among 28 people, aged seven to 40, who had taken ill in the incident. At least five students were reported to have vomited and one of them fainted.
All the victims are either students or canteen workers at SMK Taman Pasir Putih and SK Taman Pasir Putih.
Of those affected, 19 were sent to the Sultan

► 8 students warded, 20 ill after inhaling methane from dumped chemical waste

Ismail Hospital, seven to the Pasir Gudang public clinic and two to Penawar Hospital.
Their schools are located close to Sungai Kim Kim, where chemical waste was believed to have been dumped.
ASHWIN KUMAR reports that the Fire and

Rescue Department received a call at about 5am yesterday.
At the time, the canteen workers were already at the school while the students were just arriving for classes.
"We were told there was a foul smell,

believed to be from chemical waste in the area," said the department's deputy chief Lokman Hakim Sulaiman.
"We immediately ordered an evacuation of everyone within a 500m radius. The two schools are within the evacuation zone," he said.
Lokman said four teams, assisted by personnel from the Pasir Gudang fire station, were deployed to the scene.
Those involved in the operation were 30 officers and personnel from the Emergency Medical Retrieval Service, Forensics Division

Turn to page 4



Students of SMK Taman Pasir Putih in Pasir Gudang receiving treatment for inhalation of toxic gas at a makeshift facility at the school yesterday. - BERNAMAPIX

Steps taken to curb chemical spread

and the Hazardous Materials and Waste Management Unit.
It is believed that a tanker had dumped chemical waste in the river early yesterday morning.
"We believe the methane gas was emitted by the chemical waste," Lokman said, adding that the Environment Department and the Fire and Rescue Department are investigating the matter.
He said the situation had been brought under control. However, anyone with nausea and throat irritation are advised to seek medical assistance immediately.
Meanwhile, director of the Johor Fire and Rescue Department, Datuk Yahaya Madis, said measures, including the deployment of

From front page

oil booms, would be taken to ensure that the chemical waste do not spread to other areas.
An oil boom is a containment device that acts as a floating barrier to block and absorb chemicals, preventing its spread.
"We have installed oil booms at several spots along the river," Yahaya said, adding that about 1.5km of the river has been affected.
He said the Fire and Rescue Department was attempting to identify the chemical.
"We believe it is a combustible material."
The team from the Forensics Division later took samples of the water in the affected area, that will be sent for tests to identify the chemical.

LAMPIRAN 15
KOSMO! (K2): MUKA SURAT 19
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)



LAMPIRAN 15(SAMB)
KOSMO! (K2): MUKA SURAT 20
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

20

K2
MEWELAM HEMPANG

Susunan MOHD. SHAZWAN YUSOP

KOSMO! JUMAAT 8 MAC 2019

RENCANA UTAMA

LIHATLAH betapa miripnya penyampai berita wanita robotik, Xin Xiaomeng (kin) yang diilhamkan daripada penyampai berita manusia sebenar, Qu Meng (kanan).

XINHUA merupakan sebuah agensi berita milik pemerintah China.

XINHUA NEWS AGENCY

PENYAMPAI berita AI telah muncul lebih 10,000 minit pada tahun lalu.

TEKNOLOGI penyampai berita AI dibangunkan oleh Xinhua dengan kerjasama enjin carian internet Sogou.

Sampaikan berita tanpa penat

Xinhua menjadi agensi berita pertama di dunia yang berjaya menampilkan penyampai berita robotik menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

"HAi semua, anda sedang menyaksikan program berita berbahasa Inggeris. Saya ialah pembaca berita AI berbahasa Inggeris arda di Beijing.

"Ini merupakan hari pertama saya di agensi berita Xinhua. Suara yang kedengaran adalah milik Zhang Zhao iaitu pembaca berita sebenar Xinhua. Saya akan bekerja menyampaikan informasi kepada anda tanpa penat."

Itulah ungkapan yang keluar daripada mulut penyampai berita lelaki robotik berpenampilan kemas menerusi saluran berita milik pemerintah China, Xinhua.

Berita ringkas yang berlangsung selama dua minit itu berlangsung sempurna dengan beberapa laporan disampaikan tanpa sebarang kesalahan.

Penyampai berita realiti maya berkenaan dihasilkan menerusi teknologi Kecerdasan Buatan (AI) iaitu kejuruteraan mesin pintar yang mampu melakukan fungsi dan ciri-ciri pemikiran manusia.

Menerusi teknologi AI, penyampai berita berbentuk animasi itu mampu meniru dengan sempurna suara, ekspresi wajah dan gerak tubuh manusia sebenar ketika di depan skrin.

"Penyampai berita yang dapat disaksikan di televisyen laman web ini boleh membaca tanpa sebarang gangguan. Ia telah membawa satu pengalaman baharu dalam menonton berita kepada masyarakat di China.

"Penyampai berita lelaki AI telah bersiaran lebih 10,000 minit pada tahun lalu merentasi 3,400 laporan berita tanpa sebarang masalah atau gangguan," ungkap blog berita Xinhua yang dipetik oleh agensi berita Reuters.

Lancar

Penyampai berita AI lelaki itu yang diperkenalkan sejak tahun lalu terdapat dalam dua versi iaitu berbahasa Mandarin dan berbahasa Inggeris. Penyampai AI berbahasa Mandarin menyerupai pembaca berita asal Xinhua, Qiu Hao manakala penyampai AI lelaki berbahasa Inggeris meniru suara penyampai agensi itu, Zhang Zhao.

Kejayaan Xinhua sebagai agensi berita pertama di dunia yang berupaya menampilkan penyampai AI itu dilaporkan media antarabangsa sekitar November tahun lalu.

Teknologi penyampaian berita AI tersebut dibangunkan oleh agensi berita Xinhua dengan kerjasama enjin carian internet tempatan, Sogou.

Kedua-dua syarikat berkenaan juga dijangka menjadi pendahulu kepada versi siaran berita yang disampaikan menerusi platform media sosial, WeChat dan CNC.

Terbaharu pada 3 Mac lalu, Xinhua telah memperkenalkan pembaca berita AI wanitanya yang dikenali sebagai Xin Xiaomeng.

Mengenakan pakaian blaus berona merah jambu dengan potongan rambut pendek, pembaca berita diilhamkan daripada penyampai berita sebenar, Qu Meng itu mampu bertutur dengan lancar dalam bahasa Mandarin.

Menurut Xinhua, penyampai berita AI boleh mengungkapkan setiap perkataan yang dimasukkan oleh editor berita ke dalam sistem khas.

Jelasnya, Xinhua juga mengguna pakai teknologi suara tiruan Google Duplex bagi memastikan suara penyampai berita AI kelihatan lebih lancar dan sempurna.

"Teknologi ini membantu memastikan perkataan bahasa Inggeris disebut lebih tepat. Ia juga mampu mengurangkan suara janggal dan kedengaran robotik," ujarnya.

Menariknya, Xinhua menggunakan imej tubuh badan manusia sebenar sebagai lapisan tetap penyampai berita AI. Bahagian mulut dan muka pula dihidupkan menggunakan teknologi animasi.

Menerusi gabungan teknologi ini, kerja-kerja memprogramkan penyampai berita AI menjadi lebih cepat berbanding menggunakan imej janaan komputer (CGI).

Xinhua memaklumkan, penyampai berita AI boleh bekerja selama 24 jam tanpa henti menerusi saluran berita web yang sentiasa pantas.

Teknologi AI

Ini sekali gus dapat mengurangkan kos produksi serta meningkatkan kecekapan penyampaian berita kepada penonton.

"Penyampai berita AI sangat berguna apabila terdapat sesuatu berita penting

LIHATLAH betapa miripnya penyampai berita wanita robotik, Xin Xiaomeng (kin) yang diilhamkan daripada penyampai berita manusia sebenar, Qu Meng (kanan).

LAMPIRAN 15(SAMB) KOSMO! (K2): MUKA SURAT 21 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

yang perlu dikeluarkan dengan kadar segera.
"Ia juga sesuai digunakan oleh penyedia platform laporan berita televisyen dan web yang mempunyai kecekapan dalam aspek kewangan," katanya.

Menurut laporan *Forbes*, China telah mendahului negara-negara lain dalam teknologi AI dengan 85 peratus syarikat di negara republik itu terlibat secara aktif.

Angka ini jauh meninggalkan Amerika Syarikat di tempat kedua dengan 51 peratus syarikat terlibat dan Perancis serta Jerman dengan 49 peratus.

Penguasaan tersebut dikaitkan dengan Rancangan Pembangunan Kecerdasan Buatan Generasi Baharu yang diperkenalkan oleh pemerintah China pada tahun 2017.

Teknologi berkenaan telah digunakan secara meluas dalam beberapa industri seperti kesihatan, media, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, tenaga dan rekreasi.

Hakikatnya, watak-watak AI yang muncul menerusi saluran arus perdana di China bukanlah sesuatu yang baharu.

Sebelum ini, beberapa watak seperti bintang pop maya popular, Hatsune Miku dan model-model CGI dalam Instagram telah mengecapi populariti luar biasa.

Reaksi

Pengenalan penyampai berita AI telah mendapat reaksi yang pelbagai dalam kalangan penonton dan ahli akademik tempatan serta luar negara.

Rata-rata pengguna media sosial Weibo, meluahkan rasa kurang berpuas

HATSUNE MIKU merupakan watak maya yang popular di dunia luar.



PENYAMPAIAN berita menerusi kaedah biasa yang menggunakan khidmat pembaca berita manusia melibatkan kos tertentu seperti dandan dan penyediaan pakaian. - Gambar hiasan

hati dengan penyampaian berita yang disampaikan menerusi teknologi AI.

"Saya rasa penyampai berita AI sangat comel dan hebat. Namun, kata-katanya tidak membuatkan saya rasa teruja. Tidak ada unsur wow," tulis seorang pengguna Weibo.

Menurut seorang pakar tempatan, penggunaan teknologi AI dalam penyampaian berita memberi peluang kepada pemerintah menyerang mereka yang bermasalah tanpa penyampainya dikecam khalayak.

Di China, akhbar sentiasa ditapis sekali gus menyukarkan pembaca mendapatkan laporan yang meluas terhadap beberapa isu termasuk penindasan masyarakat Muslim Uighur.

Jelasnya, langkah memperkenalkan pembaca berita 'palsu' untuk membaca propaganda pemerintah merupakan sesuatu yang sangat mengerikan.

"Kesan sebenar kepada masyarakat adalah apabila penyampai berita AI menyebarkan sesuatu yang tidak benar. Ia sukar untuk diadili," ujarnya.

Sementara itu, profesor di **University of Oxford, Britain, Michael Wooldridge** berpendapat, penyampai berita AI bergelut untuk kelihatan lebih semula jadi.

Jelasnya, ia kelihatan seperti tersekat pada *uncanny valley* iaitu istilah yang sering digunakan bagi menggambarkan robot dan avatar menyerupai manusia yang nampak tidak realistik.

"Ia sangat kaku, berseorangan dan tidak ada unsur penekanan pada perkataan tertentu," ujarnya.

Beliau juga menegaskan bahawa individu yang membaca berita menerusi televisyen secara tradisinya dianggap sebagai tokoh yang boleh dipercayai.

"Sekiranya penonton hanya melihat animasi maka mereka akan hilang kepercayaan terhadap penyampai berita," tambahnya kepada *BBC*.

Berbeza pula dengan **Profesor Pembuatan Robotik di University of Sheffield, Britain, Noel Sharkey** yang berpendapat, usaha *Xinhua* itu sebagai satu langkah permulaan yang baik.

"Kita akan melihat penyampai berita AI ini ditambah baik dari masa ke masa. Masalahnya ketika ini, penonton mudah berasa bosan melihat dan mendengarnya," ujarnya.

INFO **Kecerdasan Buatan (AI)**

- Kejuruteraan mesin cerdas yang mampu melakukan fungsi dan ciri-ciri pemikiran manusia
- Konsep AI dipercayai telah teretus dari zaman purba, namun kemunculan komputer menjadikan ia realiti
- AI boleh melakukan pelbagai tugas kompleks yang diprogramkan melalui sistem komputer
- AI kini digunakan secara meluas dalam bidang pemrosesan maklumat, permainan komputer, keselamatan negara dan kesihatan

Pengaruh teknologi dalam industri media

PERKEMBANGAN teknologi yang pesat sejak dua dekad lalu telah membantu memudahkan pelbagai aktiviti harian masyarakat di seluruh dunia.

Salah satu industri yang mengalami perubahan paling ketara ialah media. Kini maklumat boleh disampaikan dengan mudah menerusi pelbagai platform.

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara, Melaka, Shafezah Abdul Wahab berkata, banyak syarikat



SHAFEZAH

media telah mengguna pakai teknologi bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Jelasnya, perubahan tersebut dapat dilihat apabila era media konvensional berubah kepada media online seterusnya yang terkini, media digital.

"Ketika ini, kita dapat lihat sendiri pengaruh teknologi dalam industri media. Tidak mustahil selepas ini teknologi robotik akan memacu syarikat media pada

masa akan datang.

"Ia bukanlah suatu yang mustahil. Perubahan ini mampu memberi satu dimensi baharu kepada lapangan media arus perdana," katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.

Terbaharu, agensi media *Xinhua* di China telah menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi menggantikan tugas penyampai berita.

Pun begitu, menurut Shafezah, perubahan sebegini yang berlaku dalam industri media boleh menyebabkan lebih ramai orang

kehilangan pekerjaan pada masa akan datang.


Bagaimanapun, beliau berpendapat, masalah itu mampu diatasi sekiranya media arus perdana mempelbagaikan cabang program dan terdapat pertambahan media bebas.

"Sebenarnya, revolusi media yang berlaku ketika ini tidak akan menjejaskan peluang pekerja sedia ada atau graduan.

"Ini kerana masih ada cabang baharu yang boleh diteroka selain tenaga manusia masih diperlukan bagi mengendalikan sistem teknologi," tuturnya.



LAMPIRAN 16
HARIAN METRO (SANTAI): MUKA SURAT 50
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)



SANTAI

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL : 1-300-22-6787 **SAMB**: 8269
E-MEL : laila@hmetro.com.my

RAKAM FENOMENA DI LANGIT

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Melihat imej di langit yang terakam daripada lensa William Chin pastinya ramai menyangka ia fenomena angkasa di luar negara. Mungkin ada yang menyangkakan ia antara raka-

man imej langit di kutub utara atau lokasi di negara tersohor dengan astrofotografi seperti di Australia dan Eropah. Sedangkan ia antara koleksi imej menarik langit di negara kita.

Kata William, Malaysia mempunyai pemandangan langit menarik dan

tiada kurangnya dengan negara yang beliau pernah kunjungi bagi merakam pemandangan angkasa pada sebelah malam.

Menurutnya, tabiat merakam pemandangan di langit bermula sejak usia 13 tahun kerana tertarik dengan kedudukan bintang

yang sentiasa berubah, selain taburan bintang terbentuk menyerupai bentuk lain.

Oleh itu, bagi 'pemburu' dunia angkasa sepertinya, sudah pasti mempunyai lokasi kegemaran dalam merakam foto langit pada waktu malam.

Malah beliau mengakui turut menyenaraikan beberapa lokasi yang sering dikunjungi peminat jurugambar alam angkasa bagi mendapat imej terbaik sebagai koleksi sendiri atau dikongsi bersama masyarakat umum.

> 52853



LAMPIRAN 17
HARIAN METRO (SANTAI): MUKA SURAT 52
TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

IMEJ SATELIT JEPUN JADI RUJUKAN

Boleh anggar ketebalan awan waktu malam sama ada boleh ganggu rakaman gambar atau sebaliknya



Gunung Kinabalu antara lokasi terbaik untuk mendapatkan rakaman fenomena menarik di langit. Pernahiah juga saya menggondong beban 20 kilogram hanya untuk dapatkan gambar langit malam

WILLIAM




Lokasi pertama saya membuat cerapan 'Deep Space Object' adalah di Kampung Sungai Padang, Papar, Sabah. Meskipun hobi itu timbul selepas saya berpindah ke negeri itu tapi minat terhadap ilmu angkasa itu sudah bermula sejak 2000 lagi

HARIS



GAMBAR bima sakti dirakam William.



SALAH satu pemandangan menari, boleh dilihat mereka yang menginap di chalet Tanjung Kesang Mersing Johor.

FOKUS

DARI MUKA 50

"Asas dan panduan kami selaku jurugambar angkasa atau astronomi amatir, rakaman malam tercantik ialah di lokasi paling gelap ketika itu.

"Sudah menjadi lumrah, komuniti ini akan memandu ke destinasi seperti Kuala Kubu Bharu, Selangor atau ke Tasik di Lembah Krau Bentong, Pahang untuk merakam imej angkasa.

"Kuala Kubu Bharu ialah tempat terhampir dengan Kuala Lumpur bagi merakam imej bima sakti. Ramai peminat seni fotografi angkasa sanggup meredah semak dan menahan gigitan nyamuk demi kepuasan diri mendapatkan gambar terbaik.

"Tempat ini gelap

dan terhindar daripada 'pencemaran' cahaya iaitu merujuk kepada situasi pencahaya global yang semakin meningkat atau masalah pencayaan bukan semula jadi berlebihan atau terlalu terang pada sebelah malam," katanya.

Bagi peminat astrofotografi di selatan tanah air, kata William, lokasi kegemaran jurufoto genre ini pula ialah di Tanjung Kesang, Mersing, Johor.

"Kalau rajin saya dan rakan akan memandu hingga ke Tanjung Kesang. Ia ini menjadi tumpuan peminat astronomi dari negara jiran, Singapura selain pelancong Eropah.

"Ini kerana ada penginapan di kawasan tinjauan untuk merakam imej angkasa. Sebenarnya dari bilik rumah penginapan mereka sudah boleh lihat dengan jelas bintang atau entiti angkasa dengan jelas.

"Selain itu Sabah dan Sarawak juga antara destinasi kegemaran saya untuk merakam buruj bima sakti atau gerhana matahari. Ramai kalangan saya yang minat dengan fenomena gerhana matahari sekali-sekala datang untuk melihat imej terbentuk termasuk gerhana cincin.

"Sebagai rujukan kami dalam merakam gambar terbaik, selalunya kami akan melihat dulu takwim falak dan laporan cuaca dirakam satelit. Terbaik ketika ini ialah satelit Jepun yang merakam keadaan di sekitar Asia termasuk Malaysia.

"Imej dirakamkan satelit inilah yang kami jadikan rujukan. Saya dan rakan yang terbabit dengan aktiviti ini boleh menganggarkan ketebalan awan pada sebelah malam sama ada ia boleh menganggarkan rakaman gambar atau

LAMPIRAN 17(SAMB)
 HARIAN METRO (SANTAI): MUKA SURAT 53
 TARIKH: 8 MAC 2018 (JUMAAT)

sebaliknya. Tiada gunanya sampai ke lokasi tapi awan tebal atau hujan menutupi imej bintang di langit," katanya.


Berkongsi pengalaman menarik sepanjang terabit mengembara serata Malaysia atas minat seni astrofotografi, katanya, dia pernah mengusung beban iaitu perkakas berupa gambar, tripod dan sebagainya seberat 20 kilogram ketika perjalan mendaki Gunung Kinabalu.

"Gunung Kinabalu antara lokasi terbaik untuk mendapatkan rakaman fenomena menarik di langit. Pernahlah juga saya menggendong beban 20 kilogram hanya untuk dapatkan gambar langit malam," katanya yang turut berkelana hingga ke Amerika Syarikat untuk minatnya itu.

Seorang lagi peminat astronomi, Haris Jeffrey Harun, sejak berpindah ke Sabah 2010, dia mula mengilai bidang astrofotografi disebabkan imej bima sakti.

"Lokasi pertama saya membuat cerapan 'Deep Space Object' adalah di Kampung Sungai Padang, Papar, Sabah. Meskipun hobi itu timbul selepas saya berpindah ke negeri itu tapi minat terhadap ilmu angkasa itu sudah bermula sejak 2000 lagi.

"Kalau keluarga ikut lokasi seperti Kunda-sang dan Mesilau menjadi pilihan. Ketika ini astrofotografi landskap di Sabah ialah Kuala Penyu, Kota Belud, Kota Marudu, Pitas, Jalan Pintasan Kota Belud, Ranau, Melangkap, Tegudon, Tambatun dan juga Tamparuli," katanya.




PEMANDANGAN langit di Simpang Mangayau, Sabah.




BERKONGSI momen indah langit bersama rakan yang mempunyai minat sama.



HARIS dapat kenalan menerusi hobi sama.



WILLIAM setia bersama tripod, teleskop dan kameranya.



WILLIAM bersama rakannya merakam gambar berlarat-belakangkan angkasa.